

PROFIL

EDUCATIONAL ORGANIZATIONS MANAGEMENT SYSTEM (EOMS)

SISTEM PENGURUSAN ORGANISASI PENDIDIKAN

(ISO 21001:2018)

POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR

PROFIL

SISTEM PENGURUSAN ORGANISASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL ORGANIZATIONS MANAGEMENT SYSTEM

EOMS
ISO 21001:2018

Politeknik METrO Tasek Gelugor

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi

Diterbitkan oleh:

POLITEKNIK METrO TASEK GELUGOR
No. 25, Jalan Komersial 2
Pusat Komersial Tasek Gelugor
13300 Tasek Gelugor
Pulau Pinang, Malaysia
No. Tel : 04-573 2789
No. Fax : 04-573 2087

Cetakan Pertama 2021
Cetakan Kedua 2024
Cetakan Ketiga 2025

© Politeknik METrO Tasek Gelugor 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah Politeknik METrO Tasek Gelugor.

e-ISBN 978-967-2744-04-7

PENGHARGAAN

SIDANG REDAKSI PROFIL EOMS 2021

Penaung:

Ts. Khairul Anuar bin Ishak

Penasihat:

Ts. Siti Salamah binti Mustaffa

Pengerusi:

Siti Hajar binti Saad @ Mohd Yusoff

Penulis:

Siti Hajar binti Saad @ Mohd Yusoff
Sharizan binti Abdul Jamil
Nurul Ana Syahirah binti Abdul Rahman

Editor:

Nurul Ana Syahirah binti Abdul Rahman
Sharizan binti Abdul Jamil

Grafik dan Rekabentuk:

Noraini binti Ramli Haryati binti Mahmud
Muhammad Hafizul bin Omar @ Osman
Naqib Idran bin Nazri

JK SEMAKAN DAN PEMURNIAN 2024

Penasihat:

Ts. Khairul Anuar bin Ishak
Ts. Siti Salamah binti Mustaffa

Editor:

Ts. Siti Salamah binti Mustaffa
Nurul Ana Syahirah binti Abdul Rahman
Sharizan binti Abdul Jamil

Proof Read:

Ts. Hazleena binti Osman
Siti Fartimah binti Mohamed Yusof

JK SEMAKAN DAN PEMURNIAN 2025

Penasihat:

Mohd Yusaini bin Mohamed Ali
Ts. Siti Salamah binti Mustaffa

Penulis:

Ts. Siti Salmah binti Mohd Pilus@Philip
Nurul Ana Syahirah binti Abdul Rahman
Nor Zalina binti Salleh

Editor:

Ts. Siti Salamah binti Mustaffa
Sarifah Nor Husna binti Syed Alias

Proof Read:

Ts. Hazleena binti Osman

PRAKATA

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Profil Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan (*Educational Organizations Management System*) - EOMS bagi PMTG berjaya diterbitkan.

Ianya merupakan rujukan berkaitan Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan iaitu

Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) dan ia berlandaskan piawaian ISO 21001:2018 yang dikeluarkan oleh pihak SIRIM.

ISO 21001:2018 merupakan satu standard berkaitan Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan (*Educational Organizations Management System*) yang lebih dikenali sebagai EOMS.

EOMS bagi PMTG yang menjelaskan keperluan sistem pengurusan kualiti yang mempunyai proses-proses yang dikenalpasti, didokumenkan, dilaksanakan, dikawal dan ditambahbaik secara berterusan. Sistem ini bermatlamat untuk menyediakan perkhidmatan dan menghasilkan produk yang berkualiti.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menghasilkan Profil ini dan semoga ianya dimanfaatkan dan menjadi rujukan dalam pelaksanaan proses EOMS.

ISI KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	Am	1
1.2	Tujuan Profil EOMS	2
2.0	LATAR BELAKANG	2
2.1	Pengenalan	2
2.2	Visi dan Misi	2
2.3	Objektif EOMS	3
2.4	Lokasi dan Persekitaran PMTG	3
2.5	Program Pengajian	6
2.5.1	DIT	6
2.5.2	DCV	6
2.5.3	Kursus Am dan Kokurikulum	6
3.0	DEFINISI	7
4.0	KONTEKS ORGANISASI	8
4.1	Memahami PMTG dan Konteksnya	8
4.2	Memahami Keperluan dan Jangkaan Pihak Berkepentingan	11
4.3	Menentukan Skop EOMS	14
4.4	Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan	16
5.0	KEPIMPINAN	18
5.1	Kepimpinan dan Komitmen	18
5.1.1	Am	18
5.1.2	Piagam Pelanggan	19
5.2	Dasar	20
5.2.1	Membangunkan Dasar EOMS	20
5.2.2	Mengkomunikasikan Dasar EOMS	21
5.3	Peranan Organisasi, Tanggungjawab dan Kuasa	21
6.0	PERANCANGAN	23
6.1	Tindakan Menyatakan Risiko dan Peluang	23
6.2	Teras dan Objektif Strategik PMTG dan Perancangan Pelaksanaannya	23
6.3	Perancangan Perubahan	27
7.0	SOKONGAN	27
7.1	Sumber	27
7.1.1	Sumber Am	27
7.1.2	Modal Insan	28
7.1.3	Prasarana	28
7.1.4	Persekitaran untuk Operasi Proses Pendidikan	29
7.1.5	Pemantauan dan Pengukuran Sumber	30
7.1.6	Pengetahuan Organisasi Pendidikan	30
7.2	Kekompetenan/Kecekapan	31
7.2.1	Am	31
7.2.2	Keperluan Tambahan Pendidikan Pelajar Berkeperluan Khas	32
7.3	Kesedaran	32
7.4	Komunikasi	32
7.4.1	Am	32
7.4.2	Tujuan Komunikasi	33
7.4.3	Pengaturan Komunikasi	34
7.5	Maklumat Didokumentasikan	34
8.0	OPERASI	35
8.1	Perancangan Operasi dan Kawalan	35
8.2	Keperluan Produk & Perkhidmatan Pendidikan	36
8.3	Reka Bentuk dan Pembangunan Produk & Perkhidmatan Pendidikan	37
8.4	Kawalan Proses Produk & Perkhidmatan Pendidikan	37
8.5	Penyediaan Produk & Perkhidmatan Pendidikan	38
8.6	Pelepasan (Release) Produk & Perkhidmatan Pendidikan	39
8.7	Kawalan Output Pendidikan yang Tidak Akur	39
9.0	PENILAIAN PRESTASI	40
9.1	Pemantauan, Pengukuran, Analisis dan Penilaian	40
9.2	Audit Dalaman	40
9.3	Kajian Semula Pengurusan	40
10	PENAMBAHBAIKAN	41
10.1	Ketakakuran dan Tindakan Pembetulan	41
10.2	Penambahbaikan Berterusan	41
10.3	Peluang Penambahbaikan	42

1.0 PENDAHULUAN

1.1 AM

Profil EOMS bagi PMTG adalah dokumen yang dibangunkan khusus untuk memenuhi keperluan pengiktirafan ISO 21001:2018 dalam Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan/*Educational Organizations Management System* ringkasnya EOMS untuk organisasi pendidikan iaitu Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG).

Profil ini mengandungi dasar kualiti, objektif kualiti dan prinsip asas yang memandu pelaksanaan proses Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) bagi peringkat diploma dalam bidang Teknologi Maklumat dan Pengajian Video Kreatif untuk lulusan SPM dan setaraf. Profil ini dilengkapi dengan 21 Dokumentasi EOMS yang terdiri daripada:

- 10 Prosedur Operasi (PO)
- 11 Prosedur Pengurusan (PP)

1.2 TUJUAN PROFIL EOMS

Profil ini bertujuan untuk:



2.0 LATAR BELAKANG

2.1 PENGENALAN

Penubuhan Politeknik METrO adalah seiring dengan agenda transformasi negara iaitu meningkatkan daya saing melalui pembangunan ekonomi berpendapatan tinggi terutamanya dalam aspek menjana modal insan yang serba boleh. PMTG ditubuhkan pada 8 Oktober 2012. Dasar penubuhan PMTG berkonsepkan Politeknik METrO Malaysia di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan diterajui oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Pengoperasian PMTG berteraskan “**doing more with less**” dan tidak memerlukan *capital expenditure* yang tinggi kerana dasar pengoperasiannya berteraskan pembangunan kampus di bangunan komersial sedia ada dalam bandar.

“METrO”, akronim kepada **Maximizing Education and Training Opportunities** yang menyediakan program pengajian **Sepenuh Masa** dan juga **Secara Sambilan** bagi memenuhi keperluan sosioekonomi tempatan dan wilayah setempat dalam bidang tertentu.

PMTG menawarkan dua program pengajian sepenuh masa iaitu program pengajian **Diploma Teknologi Maklumat, DIT** dan **Diploma Teknologi Kreatif Digital Produksi Video, DCV**.

2.2 VISI DAN MISI



Visi

Menjadi peneraju
institusi TVET yang unggul.




Misi


- a) Menyediakan akses kepada program TVET yang berkualiti dan diiktiraf;
- b) Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat;
- c) Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang;
- d) Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan.

2.3 OBJEKTIF EOMS

Kecemerlangan PMTG berlandaskan kepada Objektif EOMS yang digariskan seperti berikut:



2.4 LOKASI DAN PERSEKITARAN PMTG



Peta Lokasi Politeknik METrO Tasek Gelugor beralamat di **NO. 25, JALAN KOMERSIAL 2, PUSAT KOMERSIAL TASEK GELUGOR, TASEK GELUGOR, PULAU PINANG.**



2.5 PROGRAM PENGAJIAN

PMTG menawarkan dua (2) PROGRAM PENGAJIAN peringkat diploma iaitu:

- a. **DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (DIT)**
- b. **DIPLOMA TEKNOLOGI KREATIF DIGITAL PRODUKSI VIDEO (DCV)**

Kedua-dua program ini, di bawah pengurusan seorang Ketua Jabatan Akademik dan dibantu oleh dua orang Ketua Program dan dua orang Ketua Kursus.

Jabatan Akademik PMTG berperanan menguruskan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) termasuk:

- a. Perancangan keperluan PdP termasuk keperluan makmal.
- b. Penyediaan jadual waktu.
- c. Pendaftaran kursus.
- d. Pelaksanaan dan pemantauan PdP.
- e. Pemantauan kehadiran pelajar.
- f. Penyediaan markah penilaian berterusan pelajar.
- g. Melahirkan graduan yang kompetitif selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) PPPM (PT) bagi memenuhi keperluan pasaran negara.
- h. Menguruskan pentadbiran, kewangan, latihan industri, *Work Based Learning* (WBL), peperiksaan, latihan staf, kualiti, inovasi dan penyelidikan, ICT, bimbingan & kaunseling, hal ehwal pelajar, penyelenggaraan peralatan dan bangunan.
- i. Menjadi pusat rujukan komuniti serta mempunyai hubungan kolaborasi yang baik dengan industri.
- j. Menyelaras dan memantau pelaksanaan program akademik agar selari dengan kehendak JPPKK KPT dan bersesuaian dengan keperluan pemodenan industri dan negara.

2.5.1 Program DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (DIT)

Jabatan Akademik PMTG menawarkan Diploma Teknologi Maklumat (DIT). Program ini memfokuskan kepada Trek Keselamatan Maklumat dan telah mendapat pengiktirafan akreditasi daripada pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Program ini memberi peluang kepada pelajar bagi menghadapi cabaran dunia teknologi pengkomputeran.

2.5.2 Program DIPLOMA TEKNOLOGI KREATIF DIGITAL PRODUKSI VIDEO (DCV)

Jabatan Akademik PMTG menawarkan Diploma Teknologi Kreatif Digital Produksi Video (DCV). Program ini memberi pendedahan kepada dunia pekerjaan sebenar dengan memfokuskan kepada latihan industri secara kerja sambil belajar yang dikenali sebagai *Work-Based Learning (WBL)*. Program DCV juga telah mendapat pengiktirafan akreditasi daripada pihak Malaysia Board of Technologists (MBOT).

2.5.3 Kursus AM dan KOKURIKULUM

Kursus Am bertujuan untuk meningkatkan komunikasi terutamanya Bahasa Inggeris dan kemantapan akhlak dan jati diri dalam semua bidang yang diceburi. Di samping itu, para pelajar dapat menyiapkan diri dengan nilai-nilai agama dan moral yang baik.

a) Kursus Pendidikan Islam dan Moral

Kursus ini bertanggungjawab dalam semua aspek berkaitan kerohanian dan moral. Ia diterjemahkan melalui kursus MPU23162 Pengajian Islam, MPU23272 Pendidikan Moral dan MPU21072 Penghayatan Etika dan Peradaban.

b) Kursus Bahasa Inggeris

Kursus ini menawarkan kursus MPU22053 English for Digital Technology (DCV) dan MPU22153 English for Digital Technology (DIT). Tujuan utama kursus-kursus ini adalah untuk memperkukuhkan kemahiran kompetensi di dalam Bahasa Inggeris supaya dapat berfungsi secara efektif di tempat kerja kelak dan juga bagi menyediakan pelajar-pelajar untuk ke peringkat ijazah.

c) Kursus Matematik

Kursus Matematik ditawarkan kepada pelajar semester 1 hingga semester 2 mengikut program yang diikuti oleh pelajar di PMTG iaitu:
DBM10143 Calculus and Algebra (Sem 1 DIT)
DBM20153 Discrete Mathematics (Sem 2 DIT)

d) Kursus Kokurikulum

Kursus Kokurikulum diwujudkan bertujuan untuk menerapkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar serta membangun dan melahirkan pelajar yang berketerampilan, patriotik, bertanggungjawab dan berdaya saing.

3.0 DEFINISI

Berikut adalah Senarai Singkatan:

PMTG	Politeknik METRO Tasek Gelugor
PPPM(PT)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi)
CISEC	<i>Corporate Industrial Services & Employability Centre</i>
JPPKK	Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
PPPT	Pegawai Pendidikan PengajianTinggi
BKPK	Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya
PDCA	<i>Plan Do Check Action</i>
EOMS	Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan
TVET	<i>Technical And Vocational Education And Training</i>
PPT	Pemberi Pendidikan Tinggi
MQA	<i>Malaysian Qualifications Agency</i>
COPPA	<i>Code of Practice for Programme Accreditation</i>
COPIA	<i>Code of Practice for Institutional Audit</i>
BIPK	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SWOT	<i>Strengths, Weaknesses, Opportunities and Threats</i>
MBOT	<i>Malaysia Board of Technologists</i>
PSPTN	Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara
WBL	<i>Work-Based Learning</i>
LI	Latihan Industri
HRMIS	Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia
CIDOS	Curriculum Information Document Online System
SPMP	Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik
ToT	Training of Trainers
eSIS	<i>Web-based Staff Information System</i>
FGD	<i>Focus Group Discussion</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
JPP	Jawatankuasa Perwakilan Pelajar
KPI	<i>Key Performance Indicator</i>
UPIK	Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan
PRO	Pegawai Perhubungan Awam
SKPG	Sistem Kajian Pengesanan Graduan

4.0 KONTEKS ORGANISASI

4.1 MEMAHAMI ORGANISASI PENDIDIKAN DAN KONTEKSNYA (Klausu 4.1)

- 4.1.1 Pihak Yang Berkepentingan yang relevan dengan EOMS; Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) telah menentukan isu luaran dan dalaman yang relevan dengan tujuan, tanggungjawab sosial dan haluan strategiknya serta memberi kesan terhadap kemampuannya untuk mencapai hasil (outcomes) yang dimaksudkan oleh EOMS.
- 4.1.2 Isu luaran dan dalaman bagi PMTG termasuk faktor positif dan negatif untuk dipertimbangkan.
- 4.1.3 Platform perbincangan dan tindakan isu luaran dan dalaman PMTG adalah melalui Mesyuarat Pengurusan PMTG, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Pengurusan Akademik/Jabatan dan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana melalui unit-unit di PMTG.
- 4.1.4 Berikut adalah dapatan Kajian Semula Pengurusan terhadap Isu Dalaman dan Luaran PMTG menggunakan **Kaedah Analisis SWOT**.

PUNCA DALAMAN (7S Mc Kinsey Analysis)	ISU-ISU POSITIF (Kekuatan)	ISU-ISU NEGATIF (Kelemahan)
1. <i>Strategy</i>	<ul style="list-style-type: none">- Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).- Pelan Tindakan PMTG.- Sasaran Kerja Utama (SKU) dan Sub-SKU.	<ul style="list-style-type: none">- Kekurangan peruntukan Kewangan menjejaskan pencapaian secara keseluruhan namun masih boleh dicapai melalui kreativiti dalam melaksanakannya.
2. <i>Structure</i>	<ul style="list-style-type: none">- Carta Organisasi Pengurusan PMTG.- Skop Tugas Staf PMTG- Komunikasi Dalaman- Takwim Aktiviti PMTG/ Takwim PdP/Takwim Peperiksaan dan Takwim WBL/LI.	<ul style="list-style-type: none">- Masih terdapat kekosongan dalam waran perjawatan mengakibatkan pertambahan dalam beban tugas.

PUNCA DALAMAN (7S Mc Kinsey Analysis)	ISU-ISU POSITIF (Kekuatan)	ISU-ISU NEGATIF (Kelemahan)
3. <i>Systems</i>	<ul style="list-style-type: none"> - ISO21001:2018 Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan (EOMS) - Pendigitalan dalam Pengurusan Staf dan Pelajar dan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) - HRMIS, eSIS, MyPerformance, SPMP, CIDOS. - iPeNA, MyMOHES, iPdP, ePerolehan. 	<ul style="list-style-type: none"> - Liputan isyarat internet yang kurang stabil
4. <i>Shared Valued</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Sesi Perkongsian Ilmu - ToT - Coaching & Mentoring 	<ul style="list-style-type: none"> - Kurang komitmen staf - Integriti - Beban tugas sampingan
5. <i>Style (Leadership)</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Terbuka dan komunikasi dua hala. - FGD (Focus Group Discussion) - Kompeten 	<ul style="list-style-type: none"> - Pendekatan berbeza antara pegawai.
6. <i>Staff</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Rajin - Kreatif - Sabar - Akrab dan saling menyantuni 	<ul style="list-style-type: none"> - Penglibatan staf yang banyak juga untuk aktiviti peringkat JPPKK/Zon. - Kira-kira 5% Staf menghadapi penyakit kritikal dan dalam rawatan.
7. <i>Skills & Competency</i>	<ul style="list-style-type: none"> - <i>Multitasking</i> dan <i>Multiskilling</i> - Lebih 10 % Staf mempunyai Sijil Kepakaran. 	<ul style="list-style-type: none"> - Sebahagian kecil belum mahir dan memerlukan Latihan.

PUNCA LUARAN (PESTEL Analysis)	ISU-ISU POSITIF (Peluang)	ISU-ISU NEGATIF (Ancaman)
<i>Political</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Kestabilan Politik Negara - Kestabilan Politik Negeri - Jemputan dan aktiviti peringkat Negeri. 	<ul style="list-style-type: none"> - Perubahan dasar yang kerap.
<i>Economic</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Peruntukan daripada JPPKK. 	<ul style="list-style-type: none"> - Peruntukan terhad setiap tahun.
<i>Social</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Jaringan kolaborasi industri - Jaringan kolaborasi komuniti 	<ul style="list-style-type: none"> - Isu segelintir pelajar dalam penempatan komuniti setempat.
<i>Technology</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Pendigitalan yang lebih banyak manfaat - Proses kerja lebih cepat dan cekap - eMel, EFT, ePerolehan, eAduan, eSIS, eLearning, Webinar, Google Meet, Zoom, WhatsApp - Dron, Black Magic, 360. 	<ul style="list-style-type: none"> - Memerlukan kekuatan capaian rangkaian internet. - Memerlukan kos dalam menyelenggara peralatan khususnya kamera dan <i>Projector</i>
<i>Environment</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Lokasi bandar kecil yang strategik dan mudah diakses - Kemudahan bandar kecil yang memenuhi keperluan seperti Hospital, Balai Polis, Balai Bomba, sekolah dan kedai-kedai. 	<ul style="list-style-type: none"> - Kadangkala terdapat gangguan pencemaran bau.
<i>Legal</i>	<ul style="list-style-type: none"> - Surat-surat Puncakuasa - Garis Panduan sedang berkuatkuasa - Pekeliling, Arahan Perbendaharaan, Arahan Peperiksaan 	<ul style="list-style-type: none"> - Silap memahami dan ketidakpatuhan arahan dan undang-undang.

4.2 MEMAHAMI KEPERLUAN DAN JANGKAAN PIHAK YANG BERKEPENTINGAN (Klausa 4.2)

Disebabkan oleh kesan atau kesan yang berpotensi terhadap keupayaan Organisasi Pendidikan untuk menyediakan secara kekal (consistently) dan melestarikannya (sustainably) produk dan perkhidmatan pendidikan, sehubungan itu, PMTG akan menentukan:

- 4.2.1 Pihak Yang Berkepentingan yang relevan dengan EOMS;
- 4.2.2 Keperluan Pihak Yang Berkepentingan yang relevan.
- 4.2.3 PMTG memantau dan mengkaji semula maklumat mengenai Pihak Yang Berkepentingan dan keperluan mereka yang relevan.
- 4.2.4 Berikut adalah maklumat mengenai Pihak Yang Berkepentingan yang terlibat secara langsung dengan PMTG:

PIHAK BERKEPENTINGAN	HARAPAN & JANGKAAN (Expectation)	KEPERLUAN (Needs)
1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	<ul style="list-style-type: none"> - Menjadi institusi yang Berjaya melahirkan graduan TVET berkualiti dan memenuhi Falsafah Pendidikan Negara. - Membuat penambahbaikan secara berterusan bagi memastikan tercapainya Perancangan strategik seperti PSPTN. - Menjadi institusi yang mampu berdaya saing sehingga ke peringkat antarabangsa. - Berusaha berterusan dalam menambahbaik kualiti tadbir urus institusi. 	<ul style="list-style-type: none"> - Mencapai sasaran dalam Pelan Strategik KPT yang khusus untuk POLYCC. - Mengurus dan menggunakan secara optimum sumber-sumber sedia ada. - Akur secara keseluruhannya terhadap Akta, Pekeliling, Arahan Perbendaharaan dan lain-lain arahan sedang berkuatkuasa.

PIHAK BERKEPENTINGAN	HARAPAN & JANGKAAN (Expectation)	KEPERLUAN (Needs)
2. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)	<ul style="list-style-type: none"> - Mencapai misi PolyCC secara optimum iaitu; - Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan di iktiraf - Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat - Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang - Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan. - Mencapai semua KPI yang disasarkan untuk PolyCC. 	<ul style="list-style-type: none"> - Menjadi Peneraju institusi TVET yang unggul. - Mempunyai Pelan Strategik PolyCC yang menjurus kepada kecemerlangan setiap Politeknik dan Kolej Komuniti di bawah naungannya. - Memastikan semua Program Pengajian PolyCC mendapat pengiktirafan Akreditasi MQA atau MBOT.
3. Industri	<ul style="list-style-type: none"> - Mempunyai hubungan kolaborasi baik antara institusi dan pihak industri. - Membekalkan tenaga kerja yang kompeten. - Mendapat tenaga kerja yang bermoral dan sahsiah yang bagus. 	<ul style="list-style-type: none"> - Sebagai penasihat dan rakan industri PMTG yang proaktif. - Menyumbang kepada perubahan kurikulum mengikut keperluan industri semasa. - Saling bekerjasama dalam sesi latihan dan kebolehdapatan pekerjaan graduan. - Menempatkan pelajar WBL dan LI bagi melengkapkan Program pengajian pelajar.

PIHAK BERKEPENTINGAN	HARAPAN & JANGKAAN (Expectation)	KEPERLUAN (Needs)
4. Ibu Bapa	<ul style="list-style-type: none"> - Pendidikan anak dalam institusi yang mendapat pengiktirafan. - Memberi laluan kerjaya terbaik buat anak mereka. - Hasil pembelajaran membentuk anak yang berjaya dari segi akademik dan sahsiah. 	<ul style="list-style-type: none"> - Memberi sokongan berterusan kepada anak-anak dari segi fizikal dan mental. - Memudahkan urusan pihak institusi dengan bekerjasama dalam pengurusan anak masing-masing.
5. Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> - Menerima Perkhidmatan Pendidikan yang diiktiraf. - Menerima suasana penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang kondusif. - Menggunakan peralatan PdP yang sesuai dan fasiliti yang terbaik. - Menerima kemudahan riadah dan sukan yang sewajarnya. - Berpeluang menyertai pelbagai program dan aktiviti luar. - Berpeluang menjadi ahli dalam pasukan beruniform, JPP, Rakan Siswa dan sebagainya. - Berpeluang melanjutkan pelajar ke peringkat yang lebih tinggi. 	<ul style="list-style-type: none"> - Menerima Perkhidmatan pendidikan dan latihan menepati kurikulum dan industri. - Pelajar adalah hasil (outcomes) PMTG sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi di bawah naungan JPPKK yang mempunyai visi sebagai Peneraju TVET yang unggul. - Menjana modal insan yang berkualiti untuk negara.

PIHAK BERKEPENTINGAN	HARAPAN & JANGKAAN (Expectation)	KEPERLUAN (Needs)
6. Staf	<ul style="list-style-type: none"> - Berpeluang menerima kemudahan peralatan kerja dan fasiliti yang terbaik daripada institusi. - Mendapat peluang menyertai Kursus bengkel dan sesi latihan untuk pembangunan diri dan kerjaya. - Menerima peluang kenaikan pangkat. - Mendapat peluang menyalurkan maklumbalas staf atau aduan. - Mendapat peluang membuat penyelidikan dan inovasi. 	<ul style="list-style-type: none"> - Staf yang kompeten dan <i>multitasking</i>. - Staf yang sentiasa bersedia dalam tugas hakiki dan tugas sampingan seterusnya bersama-sama mencapai misi dan visi PMTG dan juga KPI PMTG setiap tahun. - Staf yang mampu mengurus/mentadbir/menjadi AJK untuk jabatan/unit/aktiviti masing-masing. - Staf yang menyertai atau menyediakan aktiviti kemasyarakatan (CSR). - Staf yang mampu mengendalikan urusan personal secara optimum.

4.3 MENENTUKAN SKOP EOMS (Klausu 4.3)

4.3.1 PMTG menentukan sempadan dan kesesuaian EOMS untuk mewujudkan skopnya yang mempertimbangkan;

- a. Isu Luaran dan Dalaman (Rujuk 4.1)
- b. Keperluan Relevan Pihak Berkepentingan (Rujuk 4.2)

4.3.2 Semua keperluan standard ISO 21001:2018 untuk Sistem Pengurusan Organisasi Pendidikan (EOMS) digunapakai oleh PMTG **KECUALI** Klausu 7.1.5 dan Klausu 8.3 dan ianya melibatkan semua Jabatan Akademik dan Jabatan Sokongan Akademik dan juga Unit Khidmat Pengurusan bagi PMTG.

4.3.3 Skop Pelaksanaan EOMS PMTG hanya meliputi dokumentasi berikut: (Klausa 4.3-c)


1.Kajian Semula Pengurusan (Rujuk Dokumentasi EOMS Kajian Semula Pengurusan – PMTG-PK-PP-01)	8.Pengurusan Penyenggaraan Fasiliti (Rujuk Dokumentasi EOMS Pengurusan Penyenggaraan Fasiliti – PMTG-PK-PP-08)
2.Penyediaan Anggaran Belanja Mengurus (Rujuk Dokumentasi EOMS Penyediaan Anggaran Belanja Mengurus – PMTG-PK-PP-02)	9.Pengurusan Perpustakaan (Rujuk Dokumentasi EOMS Pengurusan Perpustakaan – PMTG-PK-PP-09)
3.Maklumat Didokumentasikan (Rujuk Dokumentasi EOMS Maklumat Didokumentasikan – PMTG-PK-PP-03)	10.Pengurusan Risiko (Rujuk Dokumentasi EOMS Pengurusan Risiko – PMTG-PK-PP-10)
4.Pengurusan Perolehan (Rujuk Dokumentasi EOMS Pengurusan Perolehan – PMTG-PK-PP-04)	11.Kawalan Ketidaktepatan dan Penambahbaikan Kualiti Berterusan (Rujuk Dokumentasi EOMS Kawalan Ketidaktepatan dan Penambahbaikan Kualiti Berterusan – PMTG-PK-PP-11)
5.Pengendalian Aduan Pelanggan (Rujuk Dokumentasi EOMS Pengendalian Aduan Pelanggan – PMTG-PK-PP-05)	12.Perancangan Aktiviti Tahunan (Rujuk Dokumentasi EOMS Perancangan Aktiviti Tahunan – PMTG-PK-PO-01)
6.Pengendalian Audit Dalaman (Rujuk Dokumentasi EOMS Pengendalian Audit Dalaman – PMTG-PK-PP-06)	13.Penyediaan Jadual Waktu (Rujuk Dokumentasi EOMS Penyediaan Jadual Waktu – PMTG-PK-PO-02)
7.Perancangan dan Pengurusan Latihan Staf (Rujuk Dokumentasi EOMS Perancangan dan Pengurusan Latihan Staf – PMTG-PK-PP-07)	
14.Pendaftaran dan Pengurusan Pelajar (Rujuk Prosedur EOMS Pendaftaran dan Pengurusan Pelajar – PMTG-PK-PO-03)	18.Pengurusan Peperiksaan dan Penilaian (Rujuk Prosedur EOMS Pengurusan Peperiksaan dan Penilaian – PMTG-PK-PO-07)
15.Proses Pengajaran dan Pembelajaran (Rujuk Prosedur EOMS Pengurusan Proses Pengajaran dan Pembelajaran – PMTG-PK-PO-04)	19.Pengurusan Psikologi (Rujuk Prosedur EOMS Pengurusan Psikologi – PMTG-PK-PO-08)
16.Pengurusan Kokurikulum Berkredit (Rujuk Prosedur EOMS Pengurusan Kokurikulum Berkredit – PMTG-PK-PO-05)	20.Pengurusan Kebajikan dan Disiplin Pelajar (Rujuk Prosedur EOMS Pengurusan Kebajikan dan Disiplin Pelajar – PMTG-PK-PO-09)
17.Perancangan dan Pelaksanaan Latihan Industri / Work Based Learning (WBL) (Rujuk Prosedur EOMS Perancangan dan Pelaksanaan Latihan Industri – PMTG-PK-PO-06)	21.Pemantauan Proses Pengajaran dan Pembelajaran (Rujuk Prosedur EOMS Pemantauan Proses Pengajaran dan Pembelajaran – PMTG-PK-PO-10)

4.4 SISTEM PENGURUSAN ORGANISASI PENDIDIKAN (EOMS) (Klausu 4.4)

EOMS PMTG menggunakan kitaran PDCA seperti berikut:



BUSINESS PROCESS MAPPING



PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

5.0 KEPIMPINAN

5.1 KEPIMPINAN DAN KOMITMEN (Klausu 5.1)

5.1.1 AM

Pihak Pengurusan PMTG sentiasa komited kepada pembangunan dan pelaksanaan EOMS PMTG serta sentiasa berusaha secara berterusan untuk menambahbaik sistem bagi menjamin keberkesannya dengan:

- a) Mengambil kebertanggungjawab terhadap keberkesanan EOMS PMTG.
- b) Memastikan bahawa dasar kualiti dan objektif kualiti dibangunkan dan sesuai dengan konteks dan hala tuju strategik PMTG.
- c) Memastikan integrasi keperluan EOMS PMTG ke dalam proses pengurusan PMTG. Menggalakkan penggunaan pendekatan proses dan pemikiran berasaskan risiko.
- d) Memastikan sumber-sumber sentiasa tersedia apabila diperlukan dalam EOMS PMTG.
- e) Menyampaikan kepentingan pengurusan organisasi pendidikan yang berkesan dan pematuhan kepada keperluan terhadap EOMS PMTG.
- f) Memastikan EOMS PMTG mencapai keputusan yang dikehendaki.
- g) Melibatkan diri secara menyeluruh dan memberi sokongan kepada setiap individu yang menyumbang kepada keberkesanan EOMS PMTG.
- h) Menggalakkan usaha dan aktiviti penambahbaikan.
- i) Menyokong peranan-peranan pengurusan yang relevan untuk menunjukkan kepimpinan yang berkaitan dengan bidang yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.
- j) Menyokong pelaksanaan visi politeknik dan konsep berkaitan pendidikan.
- k) Mewujud, membangun dan mengekalkan pelan strategik PMTG.
- l) Memastikan syarat-syarat kemasukan termasuk syarat-syarat khas mengikut ketetapan JPPKK.
- m) Mementingkan prinsip tanggungjawab sosial dengan komuniti setempat

5.1.2 PIAGAM PELANGGAN (Klausu 5.1.2)

PMTG komited memberi perkhidmatan yang berkualiti, cekap dan mesra pelanggan dalam perkara berikut:

- a) Memaklumkan keputusan kemasukan politeknik dalam tempoh satu (1) bulan selepas tarikh tutup permohonan.
- b) Mengambil tindakan terhadap setiap aduan dan memberi maklumbalas terhadap pertanyaan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja.
- c) Mengadakan sekurang-kurangnya satu sesi dialog setiap tahun dengan pihak industri/agensi berkaitan untuk memastikan program pengajian yang ditawarkan sentiasa relevan dengan keperluan sumber tenaga manusia semasa.
- d) Melaksanakan pembayaran bil dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.

5.2 DASAR (Klausu 5.2)

5.2.2 MEMBANGUNKAN DASAR EOMS (Klausu 5.2.1)


Politeknik METrO Tasek Gelugor komited dalam memastikan pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran memenuhi keperluan kurikulum dan standard akreditasi dalam mencapai matlamat dan hasil pembelajaran program pengajian melalui kepelbagaian pendekatan pembelajaran dan pengajian yang bersesuaian, dinamik dan terancang.

PMTG memberikan komitmen untuk memenuhi keperluan ISO 21001:2018 (EOMS) termasuk juga memenuhi keperluan tanggungjawab sosial dan mengambil kira pembangunan kurikulum dan program mengikut perubahan teknikal dan saintifik. Selain itu, PMTG memberikan komitmen ke arah pengurusan harta intelek dan mengambil kira keperluan pihak berkepentingan. Pihak pengurusan atasan PMTG telah mewujudkan, mengkaji semula dan mengekalkan dasar berikut :



5.2.2 MENGGOMUNIKASIKAN DASAR EOMS (Klausu 5.2.2)

Kaedah penyampaian dasar EOMS telah diamalkan di PMTG:



5.3 PERANAN ORGANISASI, TANGGUNGJAWAB DAN KUASA (Klausu 5.3)

Kaedah penyampaian dasar kualiti telah diamalkan di PMTG. Pengurusan Atasan akan menetapkan tanggungjawab dan kuasa untuk:

- a) Memastikan EOMS menepatkan keperluan standard ISO 21001:2018.
- b) Memastikan dasar organisasi pendidikan difahami dan dilaksanakan.
- c) Memastikan proses-proses di dalam EOMS
- d) Menghasilkan output yang dikehendaki.
- e) Memastikan konsep "memfokuskan pelajar dan penerima manfaat" dipromosikan di dalam organisasi.
- f) Memastikan integrasi EOMS dipelihara apabila perubahan pada EOMS dirancang dan dilaksana.
- g) Mengurus komunikasi organisasi.
- h) Memastikan semua proses pembelajaran diintegrasikan tanpa mengira kaedah penyampaian.
- i) Mengawal maklumat yang didokumentasikan.




CARTA PENGURUSAN POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

P (PENGARAH)
H.J. MOHD YUSAINI BIN MOHAMED ALI

TP (TIMBALAN PENGARAH)
TS. SITI SALAMAH BINTI MUSTAFFA



LANTIKAN HAKIKI
 LANTIKAN DALAMAN
TARIKH KEMASKINI: 18 - 2-2025

6.0 PERANCANGAN

6.1 TINDAKAN BAGI MENYATAKAN RISIKO DAN PELUANG (Klausu 6.1)

Dalam usaha untuk mencapai penambahbaikan, risiko dan peluang dalam EOMS PMTG telah dikenalpasti dan ditentukan dalam Prosedur Pengurusan Risiko PMTG.

Prosedur Kerja Berkaitan – PMTG-PK-PP-10 – Pengurusan Risiko dan Peluang


6.2 TERAS DAN OBJEKTIF STRATEGIK PMTG DAN PERANCANGAN PELAKSANAANNYA (Klausu 6.2)

Pelan Strategik PMTG menggambarkan intipati pelan secara menyeluruh untuk mendorong penghayatan setiap warga dan seterusnya diterjemahkan kepada tindakan yang berkesan. Setiap Teras Strategik mempunyai beberapa Objektif Strategik yang mencetuskan inisiatif-inisiatif bagi mencapai keberhasilan tertentu dan diukur melalui beberapa petunjuk prestasi utama.

Pelaksanaan Pelan Strategik PMTG ini juga akan disokong dengan pemantauan berterusan agar warga sentiasa peka kepada komitmen pencapaian prestasi PMTG. Mekanisma pemantauan dipermudahkan melalui proses pengauditan dan pengesahan.

Penambahbaikan berterusan dilaksanakan dalam usaha penyelesaian masalah bagi mengatasi isu yang dihadapi.

(Rujuk Pelan Tindakan Strategik PMTG)



TERAS STRATEGIK PMTG

TERAS	OBJEKTIF STRATEGIK	INISIATIF
TERAS 1 MENGHASILKAN GRADUAN BERKUALITI	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menghasilkan graduan yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi (<i>High Employability</i>). 2. Menambahbaik ekosistem keusahawan. 3. Membangunkan graduan TVET berciri warga global. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melaksanakan Program Kebolehpasaran Graduan Yang Berimpak Tinggi 2. Melaksanakan Program Keusahawanan Berciri 4IR 3. Mewujudkan Inkubator Keusahawanan Berciri 4IR 4. Mempromosi dan membudayakan kewarganegaraan global
TERAS 2 MEMANTAPKAN GOVERNAN YANG RESPONSIF DAN MAMPAN	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memperkasa institusi berpacuan 4IR. 2. Memperkukuh pengurusan kewangan yang cekap, berhemat 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memupuk Kesedaran dan Pengetahuan Tentang 4IR 2. Menyediakan Infrastruktur Berciri 4IR 3. Mengupayakan Warga Kerja Institusi 4. Meningkatkan Jenama dan Reputasi Institusi 5. Meningkatkan Tadbir Urus Melalui Lean Management 6. Mewujudkan Persekitaran Kondusif melalui Budaya Kerja yang Positif 7. Menyediakan Fasiliti Terkini termasuk Prasarana dan Kelengkapan yang Relevan 8. Mencapai Matlamat Organisasi yang Digariskan Melalui Keberkesanan Kos 9. Mengurus Kewangan Secara Cekap dengan Mematuhi Peraturan dan Prosedur

TERAS STRATEGIK PMTG

TERAS	OBJEKTIF STRATEGIK	INISIATIF
